




PERMIT KOREKAN JALAN
JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
Jalan Taming Sari, 34000 Taiping
Tel : 05 8080777 Fax : 05 8067627

25/0077

BORANG
HK 06

Apex Communications Sdn Bhd
12th Floor Menara Hap Seng
Jalan P Ramlee
50250 KUALA LUMPUR



Ruj. Tuan : MPT. HK/KUDR/6-10/25(5)
Ruj. Kami : 26 Zulhijjah 1446
Tarikh : 23 Jun 2025

Tuan /Puan,

PROJEK PENYEDIAAN POINT OF PRESENCE (POP) FASA 2 HAB INFRASTRUKTUR GENTIAN OPTIK BERHAMPIRAN DENGAN SEKOLAH, PREMIS KERAJAAN DAN KOMUNITI SEKITARNYA OLEH KEMENTERIAN KOMUNIKASI (ZON UTARA – PERAK & KEDAH) SERAHAN DOKUMEN LENGKAP BAGI PERMOHONAN KELULUSAN IZIN LALU ABA6029 – SEKOLAH KEBANGSAAN JELAI - PERMOHONAN IZIN LALU BESERTA PERMIT

Merujuk kepada perkara di atas, pihak tuan/puan telah menjelaskan **Bayaran Permit dan Wang Cagaran pada 17 Jun 2025**. Tempoh permit ini, berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan dalam tempoh **enam (6) bulan**. Permit hendaklah sentiasa berada di tapak/kawasan pengorekan yang dijalankan.

2. Sebelum melaksanakan kerja di tapak, pihak tuan perlu memaklumkan kepada **Encik Zamirhairi bin Hanafiah ditalian 012-599 5316**.
3. Sekiranya pihak tuan/puan telah siap kerja perlu memaklumkan kepada pihak Majlis bagi mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja, untuk tuntutan wang cagaran. Jika selepas tamat tempoh permit, pihak tuan/puan perlu memaklumkan kepada pihak Majlis dalam tempoh **30 hari**, kegagalan pihak tuan/puan berbuat demikian, wang cagaran tersebut tidak akan dikembalikan.
4. Pihak tuan/puan perlu mematuhi Syarat-Syarat Korekan (Lampiran A) di Lampiran dan Borang Mematuhi Syarat Pengorekan (Borang HK 05).
5. Sekiranya pihak tuan/puan memerlukan lanjutan tempoh pengorekan, permohonan hendaklah dikemukakan **satu (1) bulan sebelum tamat tarikh permit pengorekan**.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

TEMPOH PERMIT

22 DEC 2025

...2/-

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : MPT. HK/KUDR/6-10/25(5)
Tarikh : 26 Zulhijjah 1446
23 Jun 2025

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MPT CEMERLANG SEPANJANG MASA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD YUSOFF BIN HAJI CAROSHAU.,PPT.)
Pengarah Kejuruteraan,
b.p. Yang DiPertua,
Majlis Perbandaran Taiping.



s.k.: Koridor Utiliti Negeri Perak
B-G-9 & B-G-11 Greentown Suria
Jalan Dato' Seri Ahmad Said
30450 IPOH

Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasaan
Majlis Perbandaran Taiping

“PERAK SEJAHTERA 2030”

- JA/operasi/pemnt/pesuken
- surat pemokluman
 - status ubah/wo ukur
 - laporan pemantauan
 - update fakta/kubra

4/3

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD	
TINDAKAN / MAKLUMAN	
<input type="checkbox"/>	KETUA OPERASI
<input type="checkbox"/>	PENGURUS SUMBER MANUSIA
<input type="checkbox"/>	KETUA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
<input checked="" type="checkbox"/>	PENGURUS KORIDOR NEGERI
<input type="checkbox"/>	PEGAWAI KHAS (PEJABAT KPE DAN PENTADBIRAN
CATATAN	



SYARAT-SYARAT KOREKAN (LAMPIRAN A)
JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING
Jalan Taming Sari, 34000 Taiping
Tel : 05 8080777 Fax : 05 8067627

**LAMPIRAN
A**

Tuan,

RUJUKAN FAIL MPT. HK/KUDR/6-10/25(5) DALAM SIRI YANG SAMA

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas Permit telah dikeluarkan memaklumkan pihak tuan tertakluk kepada **Syarat-Syarat** yang diberikan di bawah:-

1. Oleh kerana Majlis ini merancang untuk meluaskan dan membaiki jalan dalam kawasan ini maka paip-paip /kabel dan struktur hendaklah diletakkan cukup dalam sekurang-kurangnya **1 meter** supaya berupaya untuk menanggung beban trafik yang menggunakan jalan tersebut dan tujuan pelebaran jalan di masa hadapan.
2. Jika ada keperluan untuk mengalih atau mengubahsuai segala peralatan yang dipasang oleh tuan bersabitkan kerja-kerja melebarkan jalan dan lain-lain projek pembangunan. Kerja-kerja pengalihan hendaklah dilaksanakan dan segala kos tersebut adalah ditanggung oleh pihak tuan.
3. Semua paip/kabel yang melintas parit/pembetung dikehendaki diletak **'well below the invert'** supaya tidak menghalang aliran dan memudahkan kerja membaiki dan mengubahsuai struktur tersebut.
4. **Tidak dibenarkan** mengorek pada jalan-jalan yang **telah baru diturap** oleh pihak Majlis, sekiranya tiada rizab lain perlu mendapat kelulusan Majlis.
5. Bahu jalan yang dikorek hendaklah sekurangnya-kurangnya dari hujung rizab jalan dan tidak merosakkan pokok-pokok dan langskap Majlis.
6. Kerja-kerja yang melibatkan tanah persendirian hendaklah mendapat kelulusan bertulis dari tuan tanah.
7. Apa-apa korekan hendaklah dilakukan dengan cermat menggunakan kaedah dan peralatan yang lengkap. Potongan permukaan jalan hendaklah dilakukan dengan **'Diamond Road Cutter'**. Potongan dan korekan hendaklah lurus, licin dan bersih.
8. Semua bahan-bahan korekan hendaklah diletakkan di tempat yang selamat dan tidak mengganggu lalulintas dan lain-lain gangguan.
9. Kerja-kerja hendaklah dijalankan dengan sistematik dengan selamat di mana papan tanda dan lampu-lampu isyarat amaran serta sekurang-kurangnya 2 orang kakitangan disediakan dan selamat kepada lalulintas.
10. Sekurang-kurangnya **1 laluan trafik yang terkawal (4m lebar)** diadakan pada setiap masa kerja dijalankan hendaklah disediakan.
11. **'Shuttering'** atau penahan tebing yang sesuai diadakan untuk menahan tebing daripada runtuh.

12. Lubang bekas korekan hendaklah ditimbus secepat mungkin dengan sempurna. Hanya tanah/pasir yang sesuai sahaja dibenarkan untuk digunakan bagi tujuan tersebut:-Bahan-bahan ini perlu dimampatkan dengan sempurna dengan cara memampatkan berlapis di mana tebal maksima lapisan ialah 250mm.
13. Permukaan jalan hendaklah dibaiki dengan '**base course**' 12 inci (300mm) tebal dari batu *crushedrun* bersaiz 75mm yang diluluskan oleh Majlis ini dan seterusnya diturap 2 inci (50mm) tebal dengan premix untuk '**wearing course**' dimampatkan **8 ton roller tandem** mengikut curam dan rata dengan permukaan yang sediaada. Mana-mana bahu jalan yang terlibat hendaklah diganti pasir/batu dengan tanah yang bersih (*top soil*) serta menanam rumput secara '**close turfing**' dan dirata sama paras jalan segala tanaman dan pokok hendaklah diawasi dan tuntutan akan dibuat mengikut kerosakan. (Jalan yang telah dikorek mestilah diturap sekurang-kurangnya **600mm lebar**).
14. Kerja-kerja pembaikan jalan hendaklah dilaksanakan **dalam masa 24 jam** demi keselamatan pengguna jalan.
15. Segala kerosakan yang melibatkan infrastruktur jalan seperti parit, pembedung dan lanskap lain-lain hendaklah dibaiki mengikut kehendak Majlis. Kelewatan untuk penampalan semula atau apa-apa kerosakan infrastruktur seperti dipara (13) akan dilaksanakan oleh Majlis tanpa memaklumkan kepada jabatan berkaitan dan kadar tuntutan adalah mengikut **Piawaian JKR** untuk kerja-kerja pembaikan/penyelenggaraan atau kadar semasa dan tidak ditolak daripada cagaran yang dikemukakan.
16. Kelulusan ini hanya untuk kerja-kerja Infrastruktur pemasangan paip-paip/kabel sahaja. Penyambungan bekalan ke premis perlu mendapat sijil kelayakan menduduki daripada Majlis.
17. Sebelum kerja-kerja korekan pihak tuan perlu maklumkan kepada Majlis **2 hari** sebelum kerja-kerja dilaksanakan dan juga apabila siap dilaksanakan, pemeriksaan bersama perlu dibuat.
18. Kawasan kerja hendaklah dibersihkan setelah kerja disiapkan sehingga memuaskan Majlis. Ini termasuk semua kotoran yang disabitkan oleh kerja ini.
19. Tempoh kecacatan adalah selama **6 bulan** selepas tarikh siap yang disahkan oleh Majlis ini. Majlis ini berhak untuk membaiki jalan-jalan tersebut jika didapati tidak memuaskan dan kosnya akan dikenakan melalui deposit yang dikemukakan.
20. Sekiranya berlaku sebarang kerosakan dan atau kerugian yang dialami oleh Majlis, yang timbul bersabitkan dari kerja-kerja pengorekan ini. Majlis berhak menuntut gantirugi dan/atau pampasan daripada pihak-pihak yang berkenaan.
21. Majlis ini tidak bertanggungjawab di atas apa-apa kesulitan gantirugi kemalangan jiwa atau harga yang timbul bersabitkan dari kerja-kerja ini mulai dari tarikh kerja sehingga luput tempoh kecacatannya. Pihak tuan adalah dikehendaki mengambil insuran untuk melindungi Majlis.
22. Sebarang kerja yang melibatkan pembinaan bangunan/struktur/tambahan/pindaan bangunan perlu mendapat kelulusan Jabatan Bangunan, Majlis Perbandaran Taiping.
23. **Tidak dibenarkan** untuk meletak sebarang struktur di atas **petak letak kereta/basikal Majlis**. (perlu mendapat kelulusan penyewaan tapak dari Unit Trafik Majlis).